

**KERATAN AKHBAR BULAN APRIL 2021
UTUSAN MALAYSIA**

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN APRIL 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.04.2021	Rasuah RM8 Juta : Bekas Pengarah Urusan Bank Antara 4 Ditahan	2
2.	06.04.2021	Sindiket Kartel Projek RM3.8B Lumpuh	3
3.	08.04.2021	Menyamar Pegawai Imigresen Demi RM500	4
4.	10.04.2021	Tipu Pelaburan RM6J, Ahli Perniagaan Dijel 10 Tahun	4
5.	10.04.2021	Palsu Dokumen : 4 Individu Direman	5
6.	13.04.2021	Ali Baba Punca Kartel Kontrak Kerajaan – Monopoli Projek Kerajaan Mencecah Bilion Ringgit	6
7.	13.04.2021	Bekas Pengurus Didakwa Rasuah	7
8.	15.04.2021	Bekas Penolong Eksekutif Felcra Didakwa Pecah Amanah	8
9.	15.04.2021	Pegawai Baitulmal Didakwa Guna Jawatan Dapatkan Suapan, Salah Guna Harta	9
10.	27.04.2021	Suap RM26,000 Tutup Kes	10
11.	29.04.2021	Didenda RM150,000 Tipu Dana Sumbangan Pembinaan Surau	11

UTUSAN MALAYSIA/1 APRIL 2021/M.S:1 & 2

Rasuah RM8 juta: Bekas pengarah urusan bank antara 4 ditahan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Seorang bekas presiden merangkap pengarah urusan sebuah bank bergelar Datuk

tuk antara empat ditahan bagi membantu siasatan menerima rasuah bagi meluluskan pinjaman RM400 juta kepada sebuah syarikat bagi melaksanakan projek yang tidak wujud.

Mereka yang berusia 49 hingga 53 tahun itu ditangkap di sekitar Kuala Lumpur lewat petang kelmarin.

Bersambung di muka 2



EMPAT individu termasuk seorang bekas pengarah urusan sebuah bank bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam untuk direman. - IHSAN SPRM

Rasuah RM8 juta: Bekas pengarah urusan bank antara 4 ditahan

Dari muka 1

Menurut sumber, keempat-empat individu termasuk seorang wanita disyaki menerima rasuah dianggarkan berjumlah kira-kira RM8 juta (SGD3,168,366) sebagai komisen meluluskan permohonan pinjaman RM400 juta.

Katanya, perbuatan empat lelaki itu licik dengan kerjasama ‘orang dalam’ iaitu sengaja mewujudkan projek tidak sah dengan tujuan memohon pin-

jaman kewangan.

“Setelah pinjaman diluluskan dan wang diperoleh, syarikat yang memohon telah ditutup dan projek tidak dilaksanakan.

“Bekas presiden merangkap pengarah urusan bank tersebut dikatakan telah memberikan keistimewaan meluluskan pinjaman tersebut tanpa mengikut prosedur dan kajian kebolehlaksanaan (*due diligent*) disebabkan rasuah diterima,” kata sumber itu semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan empat individu tersebut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Keempat-empat individu itu dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya dan direman tiga hari bermula semalam hingga 2 April ini mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

Utusan Malaysia | 6 Apr 2021 | Page 13

Sindiket kartel projek RM3.8b lumpuh

PUTRAJAYA: Satu sindiket kartel projek berjaya dilumpuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan penahanan tujuh individu termasuk seorang ketua sindiket berusia 47 tahun.


Menurut sumber, sindiket kartel projek itu yang beroperasi sejak 2014 telah mememonopoli sebanyak 345 tender daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara dengan nilai projek sebanyak RM3.6 billion.

Beliau memberitahu, ketua sindiket tersebut mengawal lebih 150 syarikat yang digunakan untuk memasuki tender atau sebut harga di kementerian dan agensi yang terlibat.

"Dia dikatakan mewujudkan 150 syarikat yang berbeza dengan mengajak individu-individu sebagai pengarah syarikat yang mana sebenarnya dimiliki beliau sendiri."

Tumpuan sindiket ialah terhadap projek penyelenggaraan fasiliti dan projek-projek pembangunan," katanya di sini hari ini.

Selain itu, sumber memberitahu, sindiket dipercaya mendapat kerjasama 'orang dalam' untuk memastikan syarikat-syarikat di bawah kawalannya dibenarkan masuk tender atau sebut harga dan memastikan salah satu daripadanya berjaya.



TUJUH suspek yang dipercaya terlibat sindiket kartel projek bernilai RM3.8 billion dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam untuk mendapatkan perintah reman. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA *

Katanya, modus operandi kartel itu ialah membayar rasuah kepada orang dalam untuk mendapat maklumat berhubung spesifikasi, harga siling, harga jabatan, jumlah penyeritaan, kelayakan syarikat dan masa yang sesuai untuk menghantar bo-

rang tender atau sebut harga.
"Taktik 'mengepung harga' iaitu dengan menyertai sesuatu tender dengan menggunakan sejumlah besar syarikat yang berada di bawah kawalan ketua sindiket.

"Syarikat-syarikat terbabit

akan memasuki tender mengikut harga yang berbeza-beza berdasarkan harga siling yang ditetapkan," katanya.

Sumber berkata, hasil risikan yang dijalankan juga mendapat sindiket itu menggunakan nama beratus individu untuk mem-

buka syarikat-syarikat di bawah naungannya.

Katanya, setiap individu akan dibayar gaji bulan dan komisen sebagai imbuhan bagi penggunaan nama dan butir-butir peribadi.

"Diperdayai butir-butir kelayakan akademik dan kelayakan profesional bagi kebanyakan penama yang digunakan untuk menubuhkan syarikat adalah palsu.

"Setiap syarikat juga dikatakan menggunakan penyata kewangaran palsu untuk melayakkan mereka memasuki tender atau sebut harga berkenaan," katanya.

Jelasnya, satu intipan dan pemantauan dijalankan di pusat operasi sindiket itu malam kelmarin yang mana hampir keseluruhan ahli-ahli sindiket berkumpul untuk mengisi borang-borang tender.

"Serbuan SPM mengejutkan semua yang hadir dan beberapa tangkapan telah dibuat malam tadi," katanya *

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Seri Azam Bakri ketika dihubungi menegaskan tangkapan.

Kes disiasat dibawah seksyen 17 dan 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Beliau tidak menolak lebih banyak tangkapan akan dilakukan dalam masa terdekat.

Utusan Malaysia | 8 Apr 2021 | Page 29

Menyamar pegawai imigresen demi RM500

Oleh NOR SHAFAWATI YUP
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Gara-gara meminta wang suapan RM500, dua sahabat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menyamar sebagai pegawai imigresen dan mengugut seorang majikan supaya tindakan tidak diambil ke atas pekerja warga Pakistan, lima tahun lalu.

Tertuduh pertama, penganggur, Sufian Hadi Mohamad Su, 43, yang hadir ke mahkamah dengan memakai tongkat mengaku bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim, Madihah Harullah.

Bagaimanapun, rakannya Shahrul Abdul Manap, 42, yang merupakan pembantu awam di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan mengaku tidak ber-

salah atas pertuduhan sama.

Mengikut pertuduhan pihaknya, kedua-dua tertuduh, didakwa memperdaya Saifulah Sher Aziz iaitu majikan kepada seorang pekerja warga Pakistan untuk mempercayai bahawa mereka adalah seorang pegawai imigresen hingga mendorong mangsa memberikan wang tunai berjumlah RM500.

Ia sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap pekerja itu kerana bekerja di kedai perabot menggunakan permit kerja ladang.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di tempat letak kereta medan selera pasar raya Mydin, Seremban 2 di sini kira-kira pukul 5.50 petang pada 19 Februari 2016.


Pertuduhan terhadap mereka

ka dibuat mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksian dan dibaca dengan Seksyen 34 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sufian Hadi yang mengaku bersalah atas pertuduhan itu didenda RM6,000 atau sepuluh bulan penjara jika gagal membayar denda itu.

Bagi tertuduh kedua, Shahru ul yang mengaku tidak bersalah pula, mahkamah membenarkan dia diikat jamin RM7,000 dan menetapkan 24 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali.



SUFIAN Hadi Mohamad Su hadir ke mahkamah dengan memakai tongkat bersama Shahrul Abdul Manap (dua, dari kanan) di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam - UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

UTUSAN MALAYSIA/ 10 APRIL 2021/M.S:12

Tipu pelaburan RM6j, ahli perniagaan dijel 10 tahun

Oleh ASLIZA MUSA
utusannews@mediamalaysia.com.my

IPOH: Seorang Ahli perniagaan dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan 24 kali sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas didapati bersalah terhadap 109 pertuduhan menipu dan mengemukakan dokumen palsu melibatkan pelaburan berjumlah lebih RM6 juta, enam tahun lalu.

Hakim Norashima Khalid membuat keputusan tersebut selepas tertuduh, N. Narendran, 41, didapati bersalah di akhir kes pembelaan.

Narendran didakwa dengan 102 pertuduhan menipu Hafizul Abdul Hamid, 45, dengan memperdaya mangsa supaya mempercayai bahawa pesanan kerajaan negeri untuk pelaburan membekalkan peralatan perubatan pakai buang kepada Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, adalah tulen.

Tertuduh didakwa mendorong mangsa menyerahkan cek dan wang tunai antara RM20,000 hingga RM350,000 bagi tujuan pelaburan yang



N. NARENDRAH dibawa keluar dari mahkamah setelah didapati bersalah terhadap 109 pertuduhan menipu dan mengemukakan dokumen palsu di Mahkamah Sesyen Ipoh semalam. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

tidak wujud.

Dia melakukan kesalahan itu di empat lokasi berbeza antara Mei hingga Disember 2015.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara

maksimum 10 tahun dan boleh dikenakan sebat dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Selain itu, tertuduh turut didakwa dengan tujuh pertuduhan lagi kerana mengemukakan dokumen palsu mem-

babitkan kes dan mangsa yang sama.

Dia didakwa dengan curangnya menggunakan beberapa Dokumen Pesanan Kerajaan Negeri Perak yang palsu sebagai tulen pada April hingga Oktober 2015.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara dua tahun atau denda, atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Hakim Norashima memerintahkan, Narendran dijatuhi hukuman penjara sepuluh tahun bagi 102 pertuduhan dan dikenakan sebatan 24 kali untuk kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Beliau juga menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun kepada tertuduh bagi kesalahan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan.

Kesalahan hukuman itu diarahkan dijalankan serentak bermulah hari ini.

Seramai 13 saksi pendakwaan telah dipanggil sepanjang prosiding perbicaraan kes yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Fadhlil Ab Wahab.

Palsu dokument: 4 individu direman

IPOH: Dua pengarah syarikat antara empat individu ditahan reman enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan kes pemalsuan dokumen bagi tujuan memperoleh projek pembersihan bernilai lebih RM3.7 juta, sejak 2017 hingga tahun lalu.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd. Darus di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Terdahulu, empat individu termasuk dua wanita yang diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Malaysia (SPRM) dan memakai baju lokap berwarna jingga tiba di perkaranan Kompleks Mahkamah Ipoh pada pukul 10 pagi.

Kesemua mereka berusia lingkungan 40-an sebelum ini ditahan pada pukul 8 pagi di sekitar Taiping dan Bandar Baharu, Kelantan semalam.

Difahamkan, tangkapan ke atas mereka adalah berkenaan dua buah syarikat yang menggunakan cop bank palsu dan tanda-tangan pegawai bank palsu serta mengemukakan penyata akaun yang mengandungi butiran maklumat palsu.

Utusan Malaysia | 13 Apr 2021 | Page 1,6

Monopoli projek kerajaan mencecah bilion ringgit

Ali Baba punca kartel kontrak kerajaan

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Amalan 'Ali Baba' yang selama ini menjadi masalah dalam sistem perolehan kerajaan mula berkembang menjadi kartel yang berupaya menembusi dan memonopoli projek-projek kementerian dengan nilai mencecah bilion ringgit.

Lebih membimbangkan, ketidakupayaan mengekang budaya Alibaba telah menyebabkan ia semakin berkembang dan membesar hingga menjadi sebuah kartel.

Mengakui perkara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya memberitahu *Utusan Malaysia*, monopoli projek bukan suatu isu baharu malah kegiatan kontraktor bukan bumiputera mengawal lima hingga 10 kontraktor kecil bumiputera untuk memasuki projek-projek kecil khususnya Kelas G1 (Kelas F) di satu-satu jabatan masih berlaku.

Kata beliau, jenayah itu berlaku apabila kontraktor-kontraktor Kelas G1 khususnya dalam kalangan bumiputera membenarkan syarikat mereka digunakan oleh syarikat besar untuk memasuki projek.

"Lebih parah, pemilik-pemilik lesen akan diberikan komisyen antara lima sehingga tujuh peratus jika nama syarikat mereka terpilih.

"Bayangkan, seorang individu mempunyai ratusan syari-



AHMAD KHUSAIRI YAHAYA

kat yang dikawalnya sebelum menggajikan anggota keluarga dan proksi untuk digunakan nama mereka bagi membuka syarikat-syarikat tersebut," katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, proses siasatan sesuatu kes rasuah terutamanya membabitkan ketirisan perolehan kerajaan bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh selesai dalam tempoh singkat.

Ini kerana, dalam kebanyakan kes yang dikendalikan Su-

ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), maklumat mengenai sesuatu perlakuan rasuah perlu disahkan terlebih dahulu sebelum tindakan diambil.

Malah ada juga laporan yang diterima SPRM melibatkan keses yang telah lama berlaku dan menyebabkan proses siasatan menjadi lebih sukar.

Berkongsi perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Bakri berkata, ketepatan maklumat mengenai perlakuan rasuah perlu dianalisis dengan terperinci bagi memastikan kesahihannya.

Maklumat-maklumat yang dikumpul daripada sumber-sumber perlu disahkan sama ada benar atau tidak apa yang diberitahu.

Pada 5 April lalu, satu sindiket kartel projek berjaya dilumpuhkan SPRM dengan penahanan tujuh individu termasuk seorang ketua sindiket berusia 47 tahun bergelar Datuk.

Sindiket kartel projek itu yang beroperasi sejak 2014 telah memonopoli sebanyak 345 tender daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara dengan nilai projek sebanyak RM3.6 bilion.

Dalam pada itu, SPRM turut melakukan satu lagi operasi khas bersama Jabatan Imigresen dan berjaya membongkar sindiket pengeluaran Pas Lawai Kerja Sementara (PLKS) palsu yang terbesar dengan penahanan lima individu termasuk seorang berpangkat Datuk kelmarin.

Operasi dikenali Op Hack itu turut merungkai kegiatan sindiket yang telah menyebabkan ketirisan ratusan juta ringgit hasil kepada kerajaan yang sepatutnya diperoleh daripada levi pekerja asing.

Utusan Malaysia | 13 Apr 2021 | Page 13

Bekas pengurus didakwa rasuah

KUALA LUMPUR: Bekas pengurus besar kanan sebuah syarikat pembinaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan meminta suapan bernilai RM112,000, empat tahun lalu.

Chua Shiou Meng, 48, didakwa di hadapan Hakim Azura Alwi meminta suapan daripada pemilik sebuah syarikat, Chua Siong Huat, 52, iaitu komisen RM0.50 bagi setiap meter kiub simen setiap bulan.

Suapan itu sebagai dorongan agar tertuduh tidak memberikan laporan prestasi kerja kurang baik hingga menyebabkan kontrak syarikat Siong Huat dibatalkan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Hailam Kopitam di Bukit Jalil, di sini, pada Julai 2017.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPM, Fadhl Ab. Wahab memohon kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama dengan kes lain yang dihadapi tertuduh.

Menurut Fadhl, tertuduh mempunyai tiga lagi pertuduhan di Shah Alam membabitkan siasatan sama manakala saksi-saksi yang akan dipanggil juga serupa.

Pada 22 Mac lalu, Shio Meng mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tiga pertuduhan membabitkan rasuah lebih RM200,000 antara 2017 dan 2019.

Menurut pendakwa raya, pihaknya memohon jaminan dikemukakan di Mahkamah Sesyen Shah Alam juga pada tarikh sebutan kes tertuduh yang akan datang.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada tarikh sebutan yang telah ditetapkan pada 22 April ini.

Tertuduh diwakili peguam Datuk Krishnan Kesavan Nair dan Nik Ahmed Asraf Nik Othman.



CHUA Shiou Meng (tengah) hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam bagi menghadapi pertuduhan meminta suapan bernilai RM112,000. -UTUSAN/NORLIZAH ABAS

Utusan Malaysia | 15 Apr 2021 | Page 13

Bekas Penolong Eksekutif Felcra didakwa pecah amanah

KUANTAN: Bekas Penolong Eksekutif Pembangunan Peserta Felcra Berhad Kawasan Anak Endau di Rompin didakwa dengan sengaja menipu dan memalsukan kira-kira di dalam buku akaun Impres Tabung Kebajikan Peserta (AJKKP) Felcra Berhad Kawasan Anak Endau milik majikannya tiga tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Haire Aw Sudin, 43, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan hakim Datuk

Ahmad Zamzani Mohd. Zani.

Berdasarkan kesemua kertas pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja menipu dan memalsukan kira-kira di dalam buku akaun Impres Tabung Kebajikan Peserta (AJKKP) Felcra Berhad Kawasan Anak Endau milik majikannya.

Tertuduh didakwa melakukan semua kesalahan itu di pejabat Felcra Berhad Kawasan Anak Endau, Rompin antara Januari hingga April 2018.

Dengan itu, Mohd. Haire di-

dakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 477A Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen dan kanun sama.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwaraya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abidin menawarkan ikat jamin RM20,000 bagi kesemua pertuduhan itu beserta beberapa

pa syarat tambahan.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu wang jaminan dikurangkan kerana diberhentikan kerja pada tahun lalu dan tidak mempunyai pendapatan tetap malah perlu menanggung ibu bapa yang uzur, isteri dan dua orang anak orang kurang upaya (OKU).

Menurut tertuduh, kedua-dua paha, bahu dan hidungnya mengalami kecederaan akibat kemalangan sekitar Mei 2018

mengakibatkannya tidak boleh melakukan kerja berat setelah dinasihatkan doktor.

Dengan itu, mahkamah membenarkan rayuan tertuduh dengan ikat jamin RM14,000 bagi kesemua pertuduhan dan perlu melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPM terdekat serta menyerahkan pasport antarabangsa sehingga kes selesai.

Hakim menetapkan 5 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam.

UTUSAN MALAYSIA / 15 APRIL 2021 / M.S:

Pegawai Baitulmal didakwa guna jawatan dapatkan suapan, salah guna harta

SEREMBAN: Pegawai Baitulmal didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari atas dua pertuduhan iaitu menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan dan menyalahgunakan harta kepunyaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), empat tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohd. Hasbollah Ahmad, 36, mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Madihah Harullah.

Bagi pertuduhan utama, Mohd. Hasbollah yang bertugas sebagai Pegawai Baitulmal daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan iaitu menge sahkan permohonan sebuah syarikat Al Baiquni Enterprise yang melaksanakan kerja cenderahati bagi Program Hari Raya untuk asnaf dan fakir miskin di sekitar Kuala Pilah.

Tertuduh didakwa mempunyai kepentingan dan telah mengambil keuntungan berhubung kerja pembekalan tersebut dan kesalahan dilakukan pada 5 Jun 2017 di Pejabat Baitulmal Kuala Pilah.

Bagi kesalahan itu, pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 di mana tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan pilihan pula, juga pada Jun 2017 tertuduh sebagai seorang penjawat



Tertuduh didakwa mempunyai kepentingan dan telah mengambil keuntungan berhubung kerja pembekalan tersebut dan kesalahan dilakukan pada 5 Jun 2017 di Pejabat Baitulmal Kuala Pilah.

awam iaitu Pegawai Baitulmal didakwa menyalahgunakan harta iaitu sejumlah wang tunai RM4,178 kepunyaan MAINS di lokasi yang sama.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Kesekaan yang memperuntukkan hukuman penjara enam bulan sehingga lima tahun atau sebat dan denda, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan jumlah jaminan RM10,000 kepada tertuduh dengan syarat tambahan perlu melapor diri di Pejabat SPRM berhampiran pada minggu pertama setiap bulan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali.

Mahkamah menetapkan kes tersebut disebut semula pada 24 Mei depan.

Utusan Malaysia | 27 Apr 2021 | Page 29

Suap RM26,000 tutup kes

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Seorang anggota polis berpangkat sarjan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tiga pertuduhan rasuah, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Saiful Saifuddin, 31, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Murtazadi Amran.

Mengikut pertuduhan pertama, anggota polis dari Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar itu didakwa meminta rasuah RM13,000 daripada Abdul Rahman Mumtaz Ali sebagai dorongan untuk menutup kes narkotik di Kepala Batas di sini.

Mohd. Saiful didakwa melakukan kesalahan itu di IPD Kota Setar pada 19 Februari 2018, pukul 7 petang.

Tertuduh yang bekerja di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik ketika itu didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda atau RM10,000 atau mana lebih

tinggi jika sabit kesalahan.

Sementara pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima rasuah RM9,000 daripada lelaki tersebut di dalam kereta Myvi di tempat letak kereta Stesen Bas Shahab Perdana di sini pada 21 Februari pukul 4.30 petang.

Tertuduh juga didakwa menerima suapan daripada Abdul Rahman sebanyak RM4,000 di lokasi sama pada 22 Februari pukul 6.45 petang.

Bagi kedua-dua pertuduhan tersebut, Mohd. Saiful didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPMR 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohamad Fauzee Azizan sememangnya tertuduh diwakili peguam Mohd. Hakim Hamran.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan.

Terdahulu pihak pendakwaan memohon jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan sebelum dirayu peguam bela dengan alasan tertuduh



MOHD. SAIFUL SAIFUDDIN (tengah) yang didakwa atas tiga pertuduhan rasuah dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Alor Setar, Kedah semalam. - UTUSAN/JAMILIAH ABDULLAH

terpaksa menanggung isteri seorang suri rumah dan dua anak mereka berusia tiga tahun dan tujuh bulan.

Hakim menetapkan pada 8 Jun ini sebagai tarikh sebutan semula dan tertuduh membayar wang jaminan tersebut.

Utusan Malaysia | 29 Apr 2021 | Page 12

Didenda RM150,000 tipu dana sumbangan pembinaan surau

IPOH: Seorang bekas Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) didenda RM150,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menipu membabitkan dana sumbangan pembinaan surau berjumlah lebih RM350,000, empat tahun lalu.

Hakim S. Indra Nehru menjatuhkan hukuman itu setelah Zulkifli Othman, 59, mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Mahkamah turut memerintahkan Zulkifli menjalani hukuman penjara 15 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Tertuduh kemudian membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memperdaya Datuk Rusnah Kassim dengan mendorong beliau mempercayai bahawa bayaran RM350,000 adalah sumbangan bagi membina surau baharu di tapak surau lama di Kampung Kubu, Tanjung Malim pada 15 Mac 2017.

Tindakan tertuduh itu mendorong Rusnah yang juga Exco kerajaan negeri ketika itu memohon sumbangan berjumlah RM350,000 daripada Pejabat Menteri Besar untuk diluluskan pengeluaran cek.

Sumbangan yang telah diluluskan itu kemudian dimasukkan ke dalam akaun Bank Islam Malaysia Berhad atas nama pene-



ZULKIFLI Othman di Mahkamah Sesyen Ipoh atas tuduhan menipu dana sumbangan pembinaan surau empat tahun lalu. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

rima JKKK Kampung Lambak, Cabang Lima dan Lubok Salak di mana kerja-kerja pembinaan surau baharu itu masih tidak dilaksanakan sehingga kini.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

Dia bagaimanapun dilepaskan dan dibebaskan bagi dua pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Maziyah Mansor manakala tertuduh diwakili peguam, Hisham Nazir.